



بروني دارالسلام سنترال بڠكا  
BRUNEI DARUSSALAM CENTRAL BANK

## SIARAN AKHBAR

### BRUNEI DARUSSALAM CENTRAL BANK INDEKS SENTIMEN PERNIAGAAN (*BUSINESS SENTIMENT INDEX*) BAGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI BULAN MAC 2022

---

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) pada hari ini telah menerbitkan Indeks Sentimen Perniagaan atau *Business Sentiment Index (BSI)* bagi Negara Brunei Darussalam bagi bulan Mac 2022. Indeks ini adalah berdasarkan kaji selidik ke atas lebih 500 perniagaan bersaiz mikro, kecil, sederhana dan besar daripada sebelas sektor ekonomi dari kesemua empat daerah di Negara Brunei Darussalam.
2. BSI bertujuan untuk mengukur tahap sentimen atau keyakinan syarikat-syarikat perniagaan di Negara Brunei Darussalam dalam berbagai aspek termasuk keadaan semasa dan jangkaan bagi iklim perniagaan; pelaburan; jumlah pengambilan pekerja; dan kos menjalankan perniagaan. Memandangkan BSI ini menggunakan pendekatan berpandangan ke hadapan, ianya boleh digunakan sebagai salah satu petunjuk utama makroekonomi.
3. Keterangan indeks adalah seperti berikut:

Nilai BSI	Ulasan
Atas 50	Keadaan yang lebih baik / Sentimen lebih optimistik berbanding dengan bulan sebelumnya
50	Keadaan lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya
Bawah 50	Keadaan yang merosot / Sentimen lebih pesimistik berbanding dengan bulan sebelumnya

4. Terdapat sembilan [9] sub-indeks di dalam BSI. **Sub-indeks Keadaan Perniagaan**, yang merupakan indeks utama BSI, adalah 50.3 bagi bulan Mac 2022. Ini merupakan kenaikan bagi bulan keenam berturut-turut sejak bulan Oktober 2021, lebih tinggi daripada 50.1 yang dicatat pada bulan Februari 2022. Perniagaan-perniagaan yang bersentimen optimistik mengongsikan beberapa faktor seperti peningkatan dalam harga minyak, aktiviti perniagaan, permintaan dari sektor kerajaan dan orang ramai, dan lebih banyak projek berbanding dengan bulan Februari. Walau bagaimanapun, beberapa perniagaan telah mencatatkan keadaan yang kurang positif atau lebih kurang sama dengan bulan Februari 2022. Varian Omicron yang lebih mudah menular telah menghadkan aktiviti orang ramai termasuk mengurangkan kunjungan ke kedai sebagai langkah berjaga-jaga, dan ianya telah menurunkan penjualan perniagaan dan juga kekurangan tenaga pekerja kerana menjalani perintah kuarantin sama ada daripada ujian positif



**بروني دارالسلام سنترال بقا**  
**BRUNEI DARUSSALAM CENTRAL BANK**

COVID-19 atau dikenali sebagai kenalan rapat. Manakala, indeks bagi Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan adalah 50.6 dan ini menunjukkan sentimen perniagaan-perniagaan yang positif terhadap peningkatan jualan menjelang Hari Raya Aidilfitri dan juga kes harian COVID-19 yang memuncak pada awal Mac telah mula menurun.

5. **Sub-indeks Pelaburan** adalah 50.1 bagi bulan Mac 2022, 50.6 untuk satu bulan ke hadapan dan 50.1 bagi tiga bulan ke hadapan. Ini menunjukkan secara keseluruhan, para perniagaan telah meningkatkan aktiviti pelaburan pada bulan Mac 2022 berbanding bulan sebelumnya. Rancangan untuk meningkatkan perbelanjaan pelaburan pada bulan April 2022 termasuk penyelenggaraan dan penambahbaikan infrastruktur pejabat dan premis perniagaan serta pembelian peralatan, kenderaan syarikat dan juga bekalan bahan mentah.
6. **Sub-indeks Pengambilan Pekerja** adalah 50.2 bagi bulan Mac 2022 dan 50.2 bagi satu bulan ke hadapan. Ini menunjukkan secara keseluruhan, terdapat penambahan pekerja baharu pada bulan Mac 2022 dan juga perancangan untuk meningkatkan lagi pengambilan pekerja pada bulan April 2022. Secara amnya, perniagaan-perniagaan menghadapi kekurangan tenaga kerja disebabkan tidak dapat menggantikan pekerja-pekerja asing yang telah tamat tempoh permit mereka dan kembali ke negara asal. Responden juga mengongsikan kesukaran untuk mendapatkan tenaga kerja tempatan untuk mengisi kekosongan pekerjaan dan telah mengambil pekerja-pekerja separuh masa. Walau bagaimanapun, perniagaan-perniagaan mengharapkan penambahbaikan dalam prosedur pengambilan pekerja dan mengalu-alukan tindakan untuk menyelesaikan cabaran tenaga kerja yang berterusan.
7. **Sub-indeks Kos** adalah 50.2 dan 50.3 masing-masing bagi bulan Mac dan satu bulan ke hadapan. Ini menunjukkan syarikat-syarikat perniagaan mengalami kos perniagaan yang lebih tinggi berbanding bulan Februari 2022 dan menjangka kos akan terus meningkat pada bulan April 2022. Responden telah mengongsikan kebimbangan mengenai peningkatan kos selama beberapa bulan yang telah mengurangkan keuntungan syarikat. Secara amnya, ini termasuk kenaikan harga pada makanan seperti daging dan bahan-bahan mentah seperti baja dan minyak, serta kos pengangkutan dan penghantaran. Kos operasi juga telah meningkat disebabkan oleh perbelanjaan tambahan bagi pekerja-pekerja seperti pembekalan kit ujian pantas antigen (ART), pembersih tangan (*hand sanitiser*) dan sungkup muka.



بروني دارالسلام سنترال بڠكا  
BRUNEI DARUSSALAM CENTRAL BANK

BSI Mac 2022	
Keadaan Perniagaan	50.3
Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan	50.6
Pelaburan	50.1
Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan	50.6
Pelaburan Tiga Bulan ke Hadapan	50.1
Pengambilan Pekerja	50.2
Pengambilan Pekerja Satu Bulan Ke Hadapan	50.2
Kos Perniagaan Bulan Ini	50.2
Kos Satu Bulan ke hadapan	50.3

8. Dari segi sektor ekonomi, lima daripada sebelas sektor mencatatkan sentimen yang pesimistik dengan indeks di bawah paras 50, tetapi meningkat sedikit berbanding dengan bulan Februari 2022. Penguncupan keadaan perniagaan yang terbesar pada Mac 2022 adalah sektor Perdagangan Borong & Runcit dan Hotel & Restoran. Di antara sebab-sebab yang diberikan termasuk jualan yang lebih rendah berbanding bulan sebelumnya dan kekurangan tenaga kerja akibat kes COVID-19 di kalangan pekerja. Sentimen optimistik dicatatkan dalam dua sektor ekonomi bagi bulan Mac 2022 iaitu Minyak & Gas dan yang Berkaitan dan Kewangan & Insurans manakala sektor-sektor yang lain telah melaporkan keadaan perniagaan yang lebih kurang sama dengan bulan Februari 2022.

Keadaan Perniagaan Mac 2022 Mengikut Sektor	
Minyak & Gas dan yang Berkaitan	50.5
Pembuatan	49.7
Pembinaan	49.6
Perdagangan Borong & Runcit	49.3
Pengangkutan & Komunikasi	50.0
Pertanian, Perhutanan, Perikanan & Ternakan	50.0
Kewangan & Insurans	50.6
Harta Tanah & Pemilikan Kediaman	50.0
Hotel & Restoran	49.3
Kesihatan & Pendidikan	50.0
Perkhidmatan Lain	49.6



**بروني دارالسلام سنترال بڠكا**  
**BRUNEI DARUSSALAM CENTRAL BANK**

9. Dari segi indeks keadaan perniagaan mengikut saiz perniagaan, perusahaan dari semua saiz secara amnya mempunyai sentimen yang pesimistik dengan perniagaan bersaiz sederhana lebih terkesan dengan gelombang COVID-19 ketiga yang melanda pada bulan Februari 2022. Gelombang terkini ini telah menyebabkan gangguan operasi tempat kerja yang berleluasa dalam kalangan perniagaan mikro, kecil, sederhana dan besar dari segi kekurangan kakitangan dan penutupan sementara.

<b>Keadaan Perniagaan Mac 2022 mengikut Saiz</b>	
Mikro	49.8
Kecil	49.8
Sederhana	49.7
Besar	49.9

10. Carta untuk BSI dan sub-indeksnya sejak bulan Ogos 2020 adalah seperti di LAMPIRAN 1. Untuk mendapatkan maklumat lebih terperinci mengenai BSI, orang ramai boleh merujuk kepada nota teknikal mengenai metodologi dan statistik dalam laman web BDCB di <https://www.bdcdb.gov.bn> dan juga dengan mengikuti perkembangan BSI melalui siaran akhbar yang akan datang dan akaun Instagram BDCB @centralbank.brunei.

**Brunei Darussalam Central Bank**

Date: 10 Ramadhan 1443H / 12 April 2022M


Reference: BDCB/ECO/17/2



بروني دارالسلام سنترال بنگا  
BRUNEI DARUSSALAM CENTRAL BANK

LAMPIRAN 1

Keadaan Perniagaan




Nota: Bagi Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan keadaan perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini.

Bagi Keadaan Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.



بروني دارالسلام سنترال بنقا  
BRUNEI DARUSSALAM CENTRAL BANK

Pelaburan




*Nota: Bagi Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini manakala Pelaburan Tiga Bulan ke Kadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan tiga bulan ke hadapan berbanding bulan kaji selidik dikendalikan.*

*Bagi Pelaburan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan peningkatan pelaburan berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan pengurangan pelaburan berbanding bulan sebelumnya.*



بروني دارالسلام سنترال بنكا  
BRUNEI DARUSSALAM CENTRAL BANK

Pengambilan Pekerja




Nota: Bagi Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pengambilan pekerja satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini.

Bagi Pengambilan Pekerja, indeks yang melebihi 50 menunjukkan penambahan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan tiada perubahan ke atas jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan pengurangan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya.



بروني دارالسلام سنترال بڠكا  
BRUNEI DARUSSALAM CENTRAL BANK




*Nota: Bagi Kos Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkakan kos perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini.*

*Bagi Kos Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan peningkatan kos. Indeks pada paras 50 menunjukkan kos yang lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan penurunan kos.*



بروني دارالسلام سنترال بنگا  
BRUNEI DARUSSALAM CENTRAL BANK

BSI mengikut sektor ekonomi bagi Ogos 2020 hingga Mac 2022




*Nota: Indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.*



بروني دارالسلام سنترال بنگا  
BRUNEI DARUSSALAM CENTRAL BANK

Sentimen Menurut Saiz Perniagaan



*Nota: Indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.*